

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

Kajian Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS) Terhadap Pelajar Diploma Reka Bentuk Industri di Politeknik Ibrahim Sultan, Malaysia

Hanizam Bin Hussin^a, Marziana Binti Yaacob^b & Khatijah Binti Md. Saad^c

^{a,b,c} Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Malaysia
hanizam1977@yahoo.com, ^b maya5132.my@gmail.com, ^c tiram37@hotmail.com

Abstrak

Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS) merupakan salah satu penilaian yang digunakan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri dalam memahami personaliti diri sendiri dan seterusnya membantu memilih kerjaya yang sesuai dengan keinginan dan minat pelajar. Alat ukur IMKS dapat mengukur minat kerjaya dalam konteks realistik, investigatif, artistik, sosial, enterprising dan konvensional yang terdiri daripada 17 kluster soalan. Kajian ini memfokuskan enam trait personaliti pelajar berdasarkan kod 3 mata Holland yang dijalankan dalam ujian Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS) dalam konteks realistik, investigatif, artistik, sosial, enterprising dan konvensional yang terdiri daripada 17 kluster tema pekerjaan. Di antara objektif yang hendak dicapai adalah bagi i) mengenal pasti trait personaliti di kalangan pelajar dan ii) mengenal pasti jenis kod 3 Mata Holland dalam mengetahui minat dan keinginan diri sendiri dalam pemilihan kerjaya yang bersesuaian di kalangan pelajar. Kaedah kuantitatif telah digunakan dan IMKS sebagai instrument bagi pengumpulan data dikalangan 42 orang responden. Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar DRI semester satu yang mengikuti Program Modul Inspirasi Diri (MIND) dalam mengenal pasti kecenderungan trait personaliti pelajar dalam minat kerjaya yang dikategorikan mengikut Tema Pekerjaan dan Nama Pekerjaan. IMKS merupakan antara kaedah pelaksanaan penggunaan (MIND) bagi domain satu melalui Sistem Penasihat Akademik (SPAK) dalam memperkukuhkan nilai jangka panjang diri yang lebih terarah bagi meningkatkan potensi dan merencana kecermelangan diri. Dapatan kajian menunjukkan minat kerjaya pelajar DRI yang tertinggi adalah skor mata artistik (29%) diikuti dengan sosial (26%) dan realistik (25%). Mereka yang berada dalam kelompok artistik memiliki kebolehan dalam kesenian, sangat kreatif dan berinovasi, ini jelas menunjukkan bidang kerja yang bersesuaian dengan pelajar adalah arkitek, pelakon, penyanyi, pereka fesyen, editor, pereka permainan video, pereka dalaman, penyajak dan tukang masak persendirian.¹

Kata kunci: Minat, Kerjaya & Personaliti

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

1.0 Pengenalan

Kerjaya merupakan satu aspek penting yang perlu diberi penekanan oleh pelajar seawal di peringkat pendidikan lagi sebagai langkah perancangan dalam menentukan arah tuju seseorang. Pembentukan kehidupan dan penentuan status sosioekonomi, gaya hidup, nilai, sikap dan persepsi seseorang adalah terbentuk melalui kerjaya menurut Muhd. Hazim dan Suziyanah, (2018). Oleh yang demikian, kerjaya adalah penglibatan diri seseorang dalam pekerjaan sama ada sepanjang hayatnya atau pekerjaan yang berbeza-beza dalam rangkaian pekerjaan yang diceburinya dan direalisasikan dengan bekerja hingga berjaya mencapai matlamat yang ingin dituju (Mustaffa et al., (2003). Fokus pembangunan kerjaya telah berubah secara radikal daripada fokus individu kepada fokus terhadap organisasi yang merujuk kepada kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara untuk mendapatkan nafkah. Dalam tahun 1990 an, fokus pembangunan kerjaya adalah lebih kepada keseimbangan di antara keperluan individu dan keperluan organisasi yang dinyatakan oleh Norhani, Yoong, Soon Kiong, dan Hanipah (2009) dalam kajian Marhaini dan Nur Liza, (2017).

*Hanizam Hussin. Tel.: +0107120711 ; fax: 07-2612402
E-mail address: hanizam1977@yahoo.com

Kini keperluan individu telah berubah, di mana suatu ketika dahulu, pangkat dan kejayaan merupakan satu-satunya perkara yang dikejar-kejar dalam dunia pekerjaan, namun gaya hidup dan aspirasi yang berbeza menjadikan pekerja masa kini lebih mementingkan kualiti hidup. Mereka mahukan kerjaya yang mencabar, bermakna dan menarik.

Kerjaya merujuk kepada satu turutan kerja yang terdapat dalam bidang kerja tertentu. Berbagai teori dan model telah dikemukakan untuk memberi gambaran dan idea tentang pembangunan kejayaan. Teori dan model ini berbeza-beza berdasarkan orientasinya terhadap psikologi pekerjaan ataupun psikologi organisasi dan industri. Oleh itu, manusia perlu memiliki asas kerjaya yang mantap dan kukuh bagi memastikan keseimbangan antara fitrah semula jadi manusia yang merangkumi jasmani, rohani, mental dan emosi. Selain itu, keselesaan dalam kehidupan juga tidak akan dapat diperoleh jika asas kerjaya tidak kukuh dan stabil. Kecemerlangan adalah milik semua orang yang gigih berusaha tidak mengira kaum, bangsa atau agama. Setiap individu boleh mencapai kecemerlangan sama ada dalam kerjaya atau kehidupan sekiranya mereka benar-benar berusaha serta mengetahui rahsia di sebaliknya.

1.1 Latar belakang Kajian

Dalam kajian ini, JRKV dipilih sebagai sampel kajian kerana bidang kreatif merupakan bidang tujuhan bagi PIS yang membantu dalam melatih dan mengasah bakat pelajar dalam pelbagai kemahiran teknikal dan amali bagi membuka pelbagai peluang kerjaya yang bakal diceburi pelajar setelah tamat pengajian kelak. MInD berasal daripada gabungan tiga perkataan iaitu M (Modul), I (Inspirasi) dan D (Diri) yang diperkenalkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik untuk membantu dan melengkapkan pelajar dengan pemikiran, kepercayaan, ekspektasi, sikap, tingkah laku dan prestasi yang diperlukan oleh institusi pendidikan bagi memastikan graduan yang berkualiti. Antara modul yang terdapat dalam MInD dengan menggunakan instrument IMKS adalah bertujuan bagi mengenalpasti minat dan keinginan mengikut kesesuaian kerjaya pelajar. Menurut Soe-granda (1981) dalam kajian Sabariah, (2013) minat didefinisikan sebagai kesediaan jiwa menerima sesuatu dari luar yang disifatkan aktif manakala merujuk kepada Kamus Dewan (2002), minat merupakan sebagai kecenderungan, kesukaan dan keinginan terhadap sesuatu.

Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS) adalah merupakan salah satu instrumen yang digunakan untuk mengenal pasti nilai yang dianggap penting oleh seseorang individu dalam menentukan kerjaya masing-masing (Sidek, Mohd Noah, 2012). IMKS membantu dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri yang penting dalam memahami diri sendiri dan seterusnya membantu memilih kerjaya yang sesuai dengan keinginan dan minat pelajar. Inventori ini dilaksanakan melalui ujian yang memfokuskan kepada faktor dalam pembentukan kerjaya seseorang. Pertama adalah dalam mengenal pasti bidang yang diminati dan jenis personaliti seseorang individu. Personaliti setiap individu adalah berbeza-beza yang menampakkan keperibadian sifat-sifat fizikal, emosi dan kognitif seseorang individu. Ia juga merujuk kepada sesuatu kualiti atau keadaan yang terdapat atau sedia wujud dalam seseorang individu. Kedua merupakan satu platform dalam membantu pelajar memilih program pengajian yang sesuai berdasarkan kepada ujian IMKS yang dilaksanakan. Keputusan dalam memilih program pengajian adalah bagi memastikan pemilihan kombinasi yang bersesuaian dalam pemilihan subjek yang betul dan bersesuaian dengan personaliti diri. Individu perlu mengecilkkan bidang minat supaya dapat memilih gabungan subjek yang memberi kelebihan kepada penentu dan peluang kerjaya pada masa akan datang. Merujuk Kamus Dewan (2000) dalam kajian Mustaffa & Ahmad, (2002) pekerjaan bermaksud “sesuatu yang dilakukan secara berterusan kerana mencari nafkah” manakala definisi kerjaya diertikan sebagai “profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah”. Selain itu juga, kerjaya bermaksud kemajuan atau satu perjalanan seseorang dalam bidang profesion sebagai satu perjalanan atau kemajuan seseorang sebagai satu cara untuk mencari nafkah dalam kerjaya pilihan menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi ketiga (2002) dalam kajian Sabariah, (2013).


Cara pemilihan kerjaya memerlukan penelitian yang rapi dari segi hala tuju pemilihan kerjaya yang sesuai mengikut bidang masing-masing. Individu akan cuba melaksanakan konsep sendiri di mana individu tersebut memilih pekerjaan yang akan membenarkan ekspresi diri. Ini menunjukkan faktor ketiga dalam IMKS dapat membantu individu dalam memilih kerjaya yang bersesuaian. Lebih jelas lagi konsep sendiri ini merupakan penilaian seseorang terhadap dirinya atau cara individu tersebut menganggap tentang dirinya secara positif mahupun negatif. Faktor keempat, IMKS dapat membantu dalam mengenal pasti tahap keselarasan kerjaya. Keselarasan atau kesesuaian kerjaya mempunyai hubungkait dalam personaliti dengan bidang kajian yang diikutinya. Kepuasan kerjaya, kebolehan dan pencapaian dalam kerjaya hanya akan wujud jika jenis personaliti yang dimiliki selaras dengan jenis persekitaran kerja.

1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Holland, (1980) dalam Siti Noorjannah dan Yusfaiza, (2014) menyatakan bahawa wujudnya individu bekerja atau tinggal dalam persekitaran yang serupa selaras dengan personalitinya. Selain daripada itu, dalam kajian Norida et al., (2008) menegaskan bahawa dalam membuat pilihan kerjaya bagi menentukan masa depan setiap individu perlu selaras dengan minat kerjaya mereka. Menurut kajiannya lagi, didapati kelayakkan akademik pelajar hanyalah semata-mata bergantung kepada syarat kemasukkan pelajar ke program DRI di Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan tanpa mengetahui minat pelajar atau kesesuaian personaliti pelajar dengan program pengajian yang dipohon. Apabila pelajar tamat pengajian dalam program DRI yang diikuti ini juga akan menentukan bidang kerjaya yang akan diceburi kelak seiring dengan minat dan keinginan kerjaya mereka.

Setiap individu akan mendapat kepuasan, keseronokan dan jaminan masa hadapan sekiranya mempunyai pemilihan dan penetapan kerjaya yang bersesuaian dengan minat dan keinginan mereka. Menurut Norida et al., (2008), pelajar-pelajar perlu didedahkan dan dibimbing dalam membuat pemilihan terhadap pelbagai kerjaya yang bersesuaian dengan minat dan personaliti. Di awal peringkat pembelajaran di sekolah menengah tidak semua pelajar mampu membuat pemilihan kerjaya tetapi gambaran tentang personaliti diri sendiri dianggap penting untuk pengetahuan pelajar. Perkara ini juga dinyatakan Zairoslawanee, (2014); Yusniza, (2017) dalam kajian Nursyafiqah et al., (2018) personaliti seseorang juga perlu dititikberatkan bagi menentukan pemilihan kerjaya yang tepat dan bersesuaian dengan minat dan keinginan pelajar sekaligus dapat mencorakkan kehidupan mereka di masa hadapan.

Selain daripada itu, merujuk kepada hasil kajian Holland terhadap personaliti menyatakan bahawa Teori Pemilihan Kerjaya Holland dipengaruhi oleh trait dan faktor serta lebih memfokuskan kepada tipologi. Salah satu aspek teori ini dibentuk adalah bertujuan untuk menggambarkan personaliti seseorang berasaskan andaian minat vokasional serta pengertian tentang minat individu. Menurut Mohd Noah dan Jailani, (2002) lagi menyatakan bahawa minat vokasional boleh digambarkan sebagai ekspresi personaliti manakala kebiasaannya trait-trait personaliti dikenal pasti melalui kecenderungan terhadap aktiviti-aktiviti rekreasi, mata pelajaran sekolah, kerja dan hobi (Rajah 1).



Rajah 1: Teori Holland: Penggunaan Kod 3 Mata Hollad dan Pemadanan Laluan Kerjaya
(Sumber: Sidek Mohd Noah, 2012)

Menurut kenyataan Savickas dan Spokane (1999); Holland (1966); Andrian (2007); dalam kajian Nursyafiqah et al., (2018) dengan menggunakan enam dimensi utama iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional dapat menggabungkan pengetahuan berkaitan dengan minat kerjaya, pemilihan kerjaya dan penglibatan pekerjaan berasaskan kepada teori Tipologi Kerjaya Holland (1985) di dalam inventori minat kerjaya. Oleh sebab itu, kajian ini melihat sejauh- manakah pelajar DRI dapat mencapai kesesuaian kerjaya selari dengan minat dan keinginan mereka dalam sasaran dan tujuan pembelajaran yang optimum.

1.3 Persoalan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membuat kajian secara terperinci mengenai persoalan kajian iaitu i) Apakah trait personaliti di kalangan pelajar, dan ii) Apakah jenis kod 3 Mata Holland dalam mengetahui minat dan keinginan diri sendiri dalam pemilihan kerjaya yang bersesuaian di kalangan pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini memfokuskan enam trait personaliti pelajar berdasarkan kod 3 mata Holland yang dijalankan dalam ujian Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS) dalam konteks realistik, investigatif, artistik, sosial, enterprising dan konvensional yang terdiri daripada 17 kluster tema pekerjaan. Di antara objektif yang hendak dicapai adalah bagi i.) mengenalpasti trait personaliti di kalangan pelajar dan ii) mengenal pasti jenis kod 3 Mata Holland dalam mengetahui minat dan keinginan diri sendiri dalam pemilihan kerjaya yang bersesuaian di kalangan pelajar.

1.5 Kepentingan Kajian


Kajian ini tertumpu pada semua pelajar semester satu yang mengikuti Program Diploma Rekabentuk Industri (DRI) di Politeknik Ibrahim Sultan pada sesi Disember 2019. Borang penilaian IMKS yang berpandukan Model Inspirasi Diri (MInD) dapat membantu pelajar dalam membuat refleksi sendiri mengenai apa perlu dipelajari oleh mereka. Pelajar juga dapat mengetahui bidang kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti masing-masing dan sekaligus dapat memperbaiki kelemahan pembelajaran mereka dalam bidang pengajian DRI. Instrument kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan pengajar dalam membantu perancangan strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif mengikut kesesuaian kelompok pelajar. Hasil dapatan kajian membolehkan pengajar lebih memahami dan mengetahui tahap pemahaman dan penguasaan pelajar dalam bidang kreatif yang mendorong kepada minat dan keinginan kerjaya mereka. Masalah yang dihadapi oleh pelajar juga dapat dikenal pasti semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan sepanjang sesi pengajian. Harapan pada hasil instrumen IMKS yang dijalankan ini adalah dapat dijadikan sebagai panduan bagi melihat sejauh manakah hasil pembelajaran pelajar DRI dalam mencapai kesesuaian kerjaya selari dengan minat dan keinginan pelajar dengan sasaran dan tujuan pembelajaran dengan optimum.

2.0 Metodologi

2.1 Rekabentuk Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Pemilihan sampel bagi kajian ini dijalankan oleh semua pelajar semester satu yang melibatkan seramai 46 orang pelajar sebagai responden di Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual bagi program DRI, Politeknik Ibrahim Sultan, Johor, Malaysia. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan daripada pelbagai bangsa dan kumpulan pencapaian akademik. Pelajar-pelajar ini dipilih kerana telah menyertai Program Modul Inspirasi Diri (MInD) bagi Domain Satu. Sampel kajian adalah dengan mengedarkan borang instrumen ujian IMKS sebagai alat untuk mendapatkan maklumat dan data untuk menganalisa hasil dapatan yang dibuat secara peratusan. Borang ujian IMKS ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A merupakan demografi responden yang terdiri daripada maklumat umum latarbelakang responden seperti jantina, umur dan pendidikan yang diisi secara manual manakala pada Bahagian B merupakan Tema Pekerjaan yang terdiri daripada 17 kluster dan Bahagian C pula merupakan Nama Pekerjaan yang juga terdiri daripada 17 kluster.

Gambarajah 1: Rekabentuk Kajian IMKS



3.0 Dapatan Kajian


Berikut adalah pecahan dapatan kajian mengikut data demografik yang menggunakan jadual penafsiran skor bagi mengenalpasti personaliti minat kerjaya pelajar dalam ujian Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS) yang dibangunkan oleh Prof. Dr. Sidek Mohd Noah (UPM).

Jadual 1: Taburan Profil demografi responden mengikut jantina


Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	22	52
Perempuan	20	48
Jumlah	42	100

Mengikut kepada jadual 1 diatas, didapati bilangan responden lelaki adalah sebanyak 22 orang (52%) manakala bilangan responden perempuan adalah sebanyak 20 orang (48%). Dapatan ini memberitahu bahawa responden lelaki adalah lebih ramai dari responden perempuan dan perbezaan responden di antara dua jantina tersebut adalah sebanyak 2 orang iaitu 5%.

Jadual 2: Trait Personaliti



Jadual 2 menunjukkan perbezaan keputusan IMKS mengikut trait personaliti dan minat kerjaya seseorang individu di kalangan pelajar semester satu Program Diploma Rekabentuk Industri. Hasil dapatan melalui borang IMKS mendapati nilai mata tertinggi bagi penilaian ini adalah sebanyak 29% yang mempunyai minat terhadap Artistik, manakala pelajar yang mempunyai minat terhadap sosial adalah sebanyak 26%, diikuti dengan nilai mata sebanyak 25% mewakili minat kepada Realistik. Selain itu juga, nilai mata sederhana rendah adalah sebanyak 20% mewakili minat kepada Enterprising dan diikuti dengan minat kepada Investigatif iaitu sebanyak 18% dan terakhir sekali peratusan paling rendah adalah sebanyak 10% mewakili minat terhadap Konvensional.

Jadual 3: Keputusan Ujian IMKS

Hasil dapatan kajian melalui Jadual 3 menunjukkan perbezaan keputusan ujian IMKS mengikut trait personaliti dan minat kerjaya pelajar DRI. Jumlah dapatan tertinggi adalah mewakili kod ARS (Artistik, Realistik, Sosial) diikuti dengan kod SRA (Sosial, Realistik, Artistik) yang sama nilai mata dengan kod ASK (Artistik, Sosial, Konvensional). Seterusnya terdapat tujuh kod dalam aras sederhana iaitu ASE (Artistik, Sosial, Entreptising), AIS (Artistik, Invastigatif, Sosial), ASR (Artistik, Sosial, Realistik), AEI (Artistik, Entreptising, Invastigatif), ASI (Artistik, Sosial, Invastigatif), AKS (Artistik, Konvensional, Sosial), AEI (Artistik, Entreptising, Invastigatif). Manakala terdapat 11 kod dalam aras terendah iaitu IAS (Invastigatif, Artistik, Sosial), RAE (Realistik, Artistik, Entreptising), EAR (Entreptising, Artistik, Realistik), RAS (Realistik, Artistik, Sosial), SIK (Sosial, Invastigatif, Konvensional), EKA (Entreptising, Konvensional, Artistik), ESR (Entreptising, Sosial, Realistik), RSI (Realistik, Sosial, Invastigatif), RIA (Realistik, Invastigatif, Artistik), RIE (Realistik, Invastigatif, Entreptising) dan EKI (Entreptising, Konvensional, Invastigatif).

4.0 Perbincangan

Secara keseluruhannya, kebanyakan pelajar DRI mempunyai minat kerjaya yang meluas dalam trait personaliti Artistik. Ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh pelajar mempunyai keserasian yang lebih dalam bidang kerjaya arkitek, pelakon, penyanyi, pereka fesyen, editor, pereka permainan video, pereka dalaman, penyajak dan tukang masak persendirian. Ini memberi implikasi bahawa melalui ujian IMKS yang dilaksanakan kepada semua pelajar semester satu politeknik, pelajar dapat memastikan pemilihan kombinasi yang bersesuaian dalam pemilihan subjek yang betul dan bersesuaian dengan personaliti diri masing-masing. Individu dari kumpulan Artistik merupakan seorang yang kreatif, inovatif dan memiliki kebolehan artistik. Kelompok ini cenderung dalam menggunakan imaginasi dan kreativiti berbanding perkara-perkara yang berstruktur atau berjadual. Personaliti mereka adalah menjurus kepada kreativiti yang tinggi, bersikap idealistik, imaginasi yang tinggi, tiada praktikal, bersifat bebas, suka mengkaji diri, bersifat kewanitaan dan bersifat diri sendiri. Kelompok pelajar dari personaliti sosial perlu diberi peluang untuk sering berhadapan dengan orang lain, suka memberitahu, menolong, melatih, memperkembang, mengubati dan membuat kerja-kerja kebajikan untuk orang lain. Mereka juga berkemahiran menggunakan tutur kata serta mahir dalam komunikasi dan mempunyai matlamat terutamanya adalah membuat kebajikan. Kelompok ketiga tertinggi, kelompok realistik perlu menggalakkan mereka dalam kemahiran atletik dan mekanikal. Mereka ini suka bekerja dengan objek seperti mesin, peralatan, tumbuh-tumbuhan serta haiwan. Mereka juga mempunyai minat untuk bekerja di dalam situasi *outdoor* berbanding di dalam pejabat. Pelajar-pelajar perlu diberi tugas yang mencabar contohnya aktiviti di luar bilik darjah bagi mengelakkan rasa bosan kerana pembelajaran selalu tertumpu di bilik darjah.

5.0 Kesimpulan

Adalah diharapkan dapatan kajian ini memberi kepentingan dalam mengenal pasti minat kerjaya pelajar dan sejauh manakah minat kerjaya tersebut selaras dengan trait personaliti dalam diri mereka. Oleh yang demikian, melalui dapatan yang diperolehi dalam kajian ini dapat memberi kepentingan kepada pelajar dalam memilih kerjaya yang sesuai pada masa akan datang. Para pelajar telah membuat pilihan program yang tepat selari dengan minat dan keinginan dalam pemilihan kerjaya mereka. Selain itu juga, kajian ini dapat membantu pihak institusi untuk melihat sama ada faktor personaliti dan minat kerjaya pelajar mempunyai perbezaan kemahiran dengan pembelajaran mereka. Personaliti yang diterapkan dalam diri juga dapat dijadikan ukuran untuk menilai minat pelajar dalam kursus dan kerjaya pilihan. Kesimpulannya, IMKS adalah antara inventori psikometrik yang sangat vital dalam aspek mengenalpasti nilai pekerjaan yang bersesuaian dengan pelajar. Melalui maklumat yang didapati pelajar dapat membuat keputusan dengan lebih efektif dalam usaha untuk membuat pilihan kerjaya yang selaras dengan nilai pekerjaan yang dipegangnya.

Rujukan

- Andirian, D. (2007). *Hubungan Antara Personaliti Warna Dengan Personaliti Minat Kerjaya*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Marhaini, A. G., & Nur Liza, R. (2017). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembangunan Kerjaya di AlHijra Media Corporation (TV Al-Hijrah). *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)* e-ISBN: 978-967-2122-15-9 Faktor-Faktor, 4, 418–425.
- Mohd Noah, S., & Jailani, O. (2002). Profil personaliti pelajar-pelajar program matrikulasi Universiti Putra Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 10(1), 9–25.
- Muhd. Hazim, D., & Suziyanah, M. S. (2018). Analisis Terhadap Inventori Nilai Pekerjaan Sidek (INPS). *PK6133 Kaunseling Kerjaya & Perkembangan Personnel*.
- Mustaffa, M. S., & Ahmad, R. (2002). Bimbingan Kerjaya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, Jilid 8(Oktober), 63–70.
- Mustaffa, M. S., Ph, D., & Ahmad, R. (2003). Konsep Dan Peranan Kaunseling Dalam Pendidikan**. **Kertas Kerja Peringkat Antarabangsa Dibentangkan Di Seminar Antarabangsa Guru-Guru Agama Singapura (PERGAS) Pada 14 – 15 Jun 2003 Di Wisma Indah, Changi Road 448, Singapura. Anjuran Persatuan Ulama Dan Guru-Guru Agama Islam Singapura.Kertas Kerja Peringk.*
- Norida, A., Ahmad Rozelan, Y., & Hafzan, A. (2008). Jurnal PERKAMA 2008. *Jurnal PERKAMA*, 14, 24–54.
- Nursyafiqah, N., Mohd Fahrizakki, A. R., & Abu Yazid, A. B. (2018). Minat Kerjaya dan Tret Personaliti dalam kalangan Murid Tingkatan Satu Berbeza Jantina : Satu Kajian Kes. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan*, 1–5.
- Sabariah, H. (2013). Mengukur Hubungan Minat Kerjaya Dengan Jantina Dan Aliran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Menengah Johor Bahru. In *UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA*.
- Siti Noorjannah, A. G., & Yusfaiza, Y. (2014). Keselarasan Antara Personaliti Dan Pemilihan Kerjaya: Satu Kajian Di Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar. *Perkhidmatan Pemulihan Akhlak & Lang*.
- Yusniza, Y. (2017). *Kesan Pembelajaran Berasaskan Contoh Kerja Terhadap Beban Kognitif Dan Pencapaian Akademik Pelajar Kejuruteraan Elektrik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zairoslawanee, Z. (2014). Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 6 Atas Di Sekolah Menengah Kluster Di Kelantan. In *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.